



Jemaah haji serta anggota petugas kecemasan menjalankan kerja menyelamatkan mangsa rempuhan di Mina, semalam.

[FOTO AP]

Angka korban dijangka meningkat

» Jumlah jemaah dikatakan bertambah secara mendadak sehingga berlaku tolak-menolak

204 dan 223 dalam perjalanan untuk melontar jamrah, menurut penguat kuasa negara itu.

Tragedi kedua

Ia juga adalah tragedi kedua musim haji ini selepas kren runtuh dua minggu lalu di Masjidilharam yang mengorbankan lebih 100 orang, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai langkah yang diambil oleh pihak berkuasa Arab Saudi dalam memastikan keselamatan hampir tiga juta orang jemaah haji di tanah suci itu.

Jabatan Pertahanan Awam Arab Saudi dalam kenyataannya berkata, kejadian itu berlaku apabila jumlah jemaah di persimpangan itu 'meningkat mendadak' secara tiba-tiba yang menyebabkan berlaku tolak-menolak dalam kalangan jemaah dengan sebahagian besar jatuh.

Lebih 220 kenderaan penyelamat dan 4,000 petugas kecemasan digerakkan serta-merta selepas kejadian itu bagi membantu mengurangkan kesesakan dan menyediakan laluan alternatif, katanya.

Video amatir yang dikongsikan di media sosial menunjukkan kejadian malang itu, dengan beberapa jemaah haji terbaring di atas jalan di samping kerusi roda dan botol air di sepanjang jalan berkenaan.

Gambar yang disiarkan oleh penguat kuasa di akaun rasmi Twitternya menunjukkan peger-

ja penyelamat membantu mengangkat mereka yang cedera ke atas pengusung dan memasukan mereka ke dalam ambulans.

Kira-kira tiga juta jemaah dari seluruh dunia kini berada di Makkah untuk mengerjakan ibadah haji.

Ambil langkah berjaga-jaga

Pihak berkuasa Arab Saudi mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan jemaah haji, termasuk mengerahkan kira-kira 100,000 anggota keselamatan bagi mengawal kesesakan dan memastikan keselamatan jemaah haji.

Di Mina, pihak berkuasa sudah

mengambil langkah tertentu setiap tahun bagi memastikan kebanjiran jemaah haji yang ingin melontar jamrah dapat dilaksanakan dengan baik dan terkawal.

Penguat kuasa turut menggunakan kamera pengawasan dan peralatan lain bagi mengehadkan bilangan jemaah yang berada di kawasan itu dan pembinaan Jambatan Jamarat yang mempunyai beberapa laluan keluar bagi memastikan aliran jemaah haji berjalan lancar.

Tragedi sama pernah berlaku pada 2006 apabila lebih 360 jemaah haji maut akibat dirempuh dan dipijak di lokasi berhampiran

insiden semalam. Pada 2004, berlaku rempuhan di Mina menyebabkan 244 jemaah haji maut dan beratus cedera.

Insiden rempuhan semalam berlaku selepas kurang dua minggu kejadian kren runtuh di Makkah yang mengorbankan sekurang-kurangnya 111 orang dan 390 cedera.

Pihak berkuasa menyalahkan angin kuat yang mengakibatkan kren itu runtuh dan mengganggu operasi syarikat pembinaan, Saudi Binladin Group yang terbabit dengan projek pembinaan masjid itu kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan.



Arab Saudi

Lebih 700 jemaah haji terkorban dan hampir 900 lagi cedera dalam kejadian rempuhan di Mina, pagi semalam. Angka korban dijangka terus meningkat.

Kejadian di Mina, kira-kira lima kilometer dari Makkah, yang menjadi tempat jemaah haji melontar jamrah, turut menempatkan lebih 160,000 khemah untuk jemaah haji dari seluruh dunia bermalam.

Kejadian rempuhan itu berlaku kira-kira jam 9 pagi waktu tempatan ketika jemaah haji terbabit berada di persimpangan Jalan



Anggota petugas kecemasan memeriksa mayat jemaah haji yang terkorban dalam rempuhan di Mina, semalam.